



MANGSA banjir di sebuah kem penempatan sementara di Karachi menyediakan makanan.

SUASANA penempatan sementara

Banjir besar mimpi ngeri jutaan rakyat Pakistan

Bantuan mangsa bah belum mencukupi





Haspaizi Mohd Zain

haspaizi@bharian.com.my

ruk, lebih malang lagi bantuan di beberapa kem di kawasan berkenaan tidak sampai kerana kedudukannya di kawasan terpencil dan terputus hubungan dengan dunia luar.

Malah, usaha sukarelawan Kelab Putera 1Malaysia untuk menghantar bantuan makanan ke sebuah kem di kawasan terpencil di daerah Dadu yang mengambil masa enam jam dari Peshawar juga tidak kesampaian. Hasrat murni itu adalah bertujuan bagi membantu mangsa banjir yang tinggal di kem berkenaan kerana tidak menerima sebarang bantuan daripada pihak kerajaan ataupun mana-mana organisasi.

Kedudukan kem berkenaan yang terletak di kawasan terpencil dan terputus hubungan dengan dunia luar akibat jalan darat dinaiki air bah menyulitkan lagi bantuan disalurkan serta memaksa Kelab Putera 1Malaysia menghantar bantuan dengan menggunakan jalan udara.

Jika bekalan perubatan dan makan tidak sampai mangsa banjir terbabit berdepan dengan ancaman penyakit dan juga kebuluran. Lebih menyedihkan lagi ramai mangsa banjir di kawasan berkenaan mati akibat serangan binatang buas ketika cuba menyelamatkan diri.

Banjir yang melanda beberapa kawasan di Karachi itu dikatakan berpunca daripada air yang datang dari arah utara dan melimpah ke selatan terutama melalui sungai Indus. Walaupun banjir itu dikatakan berpunca daripada hujan di kawasan utara, ada pihak mendakwa ia berpunca dari India yang melepaskan air dari puluhan empangan negara itu yang disalurkan ke Sungai Indus.

Akibat banjir besar itu, semua kediaman dibina di pinggir Sungai Indus musnah ditelan air bah. Kawasan itu menjadi penempatan bagi rakyat Pakistan kerana tanah di kawasan berkenaan subur bagi bidang pertanian.

Kemusnahan itu mengakibatkan mangsa banjir yang mahu terus menetap di pinggir sungai berkenaan terpaksa



MANGSA banjir Pakistan tinggal di khemah mengharapkan simpati bantuan pihak luar.

membina penempatan sementara seperti khemah bagi meneruskan kehidupan mereka.

Wilayah Karachi mempunyai 23 daerah dan daripada jumlah itu 19 daerah lumpuh ataupun terjejas akibat banjir bencana alam itu dan kira-kira sejuta penduduk kawasan itu meninggalkan kediaman masing-masing. Kira-kira 200 mangsa banjir di kawasan berkenaan terkorban ketika bencana itu dan 1,000 lagi cedera.

Banjir terburuk itu juga mengakibatkan kerugian sekitar 800 juta rupee dan kira-kira 3.1 juta rupee kerugian akibat pertanian musnah. Bukan itu saja, malah ia mengakibatkan sekurang-kurangnya 200,000 haiwan ternakan terkorban dalam kejadian itu.

Lebih malang lagi bagi mangsa banjir, mereka bukan saja kehilangan tempat tinggal, haiwan ternakan dan kemusnahan hasil pertanian, tetapi pampasan dijanjikan kerajaan sebanyak 3,500

PESHAWAR dan Karachi adalah dua wilayah di Pakistan yang terjejas teruk dilanda banjir paling buruk dalam sejarah 80 tahun negara itu. Bencana alam itu menyaksikan jutaan penduduk kehilangan tempat tinggal dan jutaan kanak-kanak bakal berdepan dengan pelbagai ancaman penyakit bawaan air.

Banjir besar itu juga sudah mengorbankan ribuan nyawa penduduk yang gagal menyelamatkan diri. Bukan itu saja, hasil pertanian juga musnah dan mereka kini hanya bergantung harap kepada ihsan dan simpati masyarakat dunia, bantuan makanan dan perubatan amat dialu-alukan.


Walaupun air semakin surut, beberapa tempat di daerah Sindh masih ditenggelami air. Banjir besar yang menenggelamkan kediaman jutaan rakyat Pakistan itu adalah mimpi ngeri yang tidak akan dilupakan mereka.

Ketika penulis bersama sukarelawan Kelab Putera 1Malaysia mengunjungi bumi Pakistan bagi menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir, realitinya lebih teruk daripada apa digambarkan. Daerah Sindh yang berada di wilayah Karachi mempunyai kira-kira 35 juta penduduk adalah antara kawasan paling teruk terjejas dan diikuti dengan Karachi.

Di daerah Sindh ada kira-kira 3,000 kem penempatan sementara bagi sejuta pelarian mangsa banjir di kawasan itu untuk berlindung selepas semua kediaman mereka musnah ditelan banjir besar itu. Selain Sindh, Thatta dan Dadu adalah kawasan yang turut terjejas te-



antara mangsa banjir di Pakistan.



ABDUL AZEEZ memberi duit raya kepada mangsa banjir.



h usang
r.

rupee juga tidak kunjung tiba ketika mereka berdepan dengan kekurangan bekalan makanan serta perubatan.

Ketika penulis meninjau kawasan di-tenggelami banjir itu menyaksikan kemusnahan harta benda milik penduduk kawasan itu sememangnya sukar digambarkan. Bukan itu saja, banjir itu juga turut mengakibatkan sebilangan masyarakat di situ kehilangan ahli keluarga.

Namun, apa yang menjadi tanda tanya adalah angka kematian akibat banjir besar itu dikatakan tidak seperti di-umumkan kerajaan negara itu iaitu 2,000 orang. Ada dakwaan mengatakan angka korban sebenar bencana alam itu secara tidak rasmi serta tidak dinyatakan Kerajaan Pakistan adalah mencecah 100,000.

Kemusnahan itu juga bakal meningkatkan masalah sosial di Pakistan kerana mangsa yang kehilangan tempat tinggal, harta benda, ternakan serta hasil pertanian, turut kehilangan punca

pendapatan bagi menyara kehidupan. Situasi ini juga jika tidak dibendung ataupun tidak ditangani dengan segera ia akan membawa kepada peningkatan kadar kemiskinan, pengangguran dan pengemis di negara itu.

Di wilayah Peshawar, walaupun ia dilanda banjir besar itu, tidaklah seteruk Karachi. Cuma masalah utama di kawasan itu adalah ancaman daripada pihak penganas dikatakan bertindak merampas sebarang bekalan ataupun bantuan perubatan yang ingin disalurkan kepada mangsa banjir.

Apapun sepanjang berada di kawasan bencana itu, daripada pemerhatian mata kasar bantuan bagi mangsa banjir di Pakistan masih belum mencukupi. Bantuan daripada luar amat diperlukan bagi memastikan mangsa banjir tidak mati kebuluran dan kanak-kanak mendapat perlindungan sewajarnya.

Buat masa ini, pengagihan bantuan makanan masih tidak sekata dan tidak

rata, ada kem mempunyai bekalan makanan mencukupi, tetapi kekurangan bekalan perubatan dan begitu sebaliknya.

Hanya kem diuruskan pihak berkuasa seperti angkatan tentera dapat mengawasi dengan sempurna bantuan dan penempatan kepada mangsa banjir. Lebih membimbangkan lagi, beberapa penyakit bawaan air kini seperti malaria, cirit-birit, dan penyakit kulit mula menular.

Tidak dinafikan, ada beberapa negara termasuk Malaysia menghantar bantuan perubatan serta doktor pakar bagi menjalankan pemeriksaan dan rawatan terhadap mangsa banjir. Namun, yang mendapat perhatian serta pujian adalah kepakaran doktor dari Malaysia, mereka bukan saja memiliki ilmu perubatan yang tinggi, tetapi dapat berkomunikasi secara berkesan dengan mangsa banjir.

Selain itu, Kerajaan Pakistan juga perlu mengambil berat mengenai aspek



Misi Kelab Putera 1Malaysia perkukuh hubungan 2 negara

KETIKA asyik meninjau barangan dijual di sekitar pusat beli-belah di bandar Karachi, Pakistan, tiba-tiba dua anggota polis datang menghampiri penulis dan memeriksa beg kecil yang dibawa ketika itu. Tindakan anggota polis itu membuatkan orang ramai di sekitar pusat beli-belah berkenaan turut mengerumuni penulis.

Tindakan itu membuatkan penulis tergamam seketika dan tertanya-tanya kesalahan dilakukan. Rupa-rupanya anggota polis berkenaan memeriksa beg penulis kerana bimbang sekiranya ada senjata api. Maklumlah pada waktu itu orang ramai sibuk membuat persiapan menyambut Aidilfitri.

Bagaimanapun apa yang menariknya selepas pemeriksaan, orang ramai mengucapkan terima kasih kepada penulis kerana memberi kerjasama baik kepada pihak polis. Namun, perkara itu sedikit pun tidak mematahkan semangat untuk menerokai pusat beli-belah di bandar berkenaan yang terkenal dengan barangan murah terutama jaket kulit.

Menariknya, bandar di sekitar Karachi dipenuhi dengan kehadiran orang ramai yang membuat persiapan raya pada saat akhir dan pusat beli-belah juga beroperasi sehingga jam 5 pagi. Selain itu masjid di sekitar bandar berkenaan turut dihiasi cahaya lampu terutama pada 10 malam terakhir Ramadan.

Namun, yang membuatkan penulis bangga ialah ketika berada di sebuah kedai kasut, apabila peniaga berkenaan mengetahui bahawa penulis dari Malaysia dia terus berkata: "Kami suka dengan bekas Perdana Menteri (Tun) Dr Mahathir Mohamad."

Selepas itu, peniaga berkenaan memulakan cerita dan kekagumannya terhadap kepemimpinan Dr Mahathir yang bukan saja berjaya membawa Malaysia pada tahap disegani, tetapi lebih dari itu kelantangan dan keberaniannya memperjuangkan Islam di mata dunia cukup disenangi umat Islam di negara itu.

Katanya, Dr Mahathir adalah pemimpin yang banyak berjasa kepada dunia Islam, pemikiran dan ideanya diguna pakai umat Islam. Perkara itu membuatkan penulis berasa betapa bertuahnya menjadi rakyat Malaysia yang mana kepemimpinan negara sudah berjaya meletakkan Malaysia di kedudukan tinggi serta disegani di mata dunia.

Apatah lagi kehadiran penulis ke negara itu dengan Kelab Putera 1Malaysia membawa misi murni bagi menyalurkan

bantuan kepada mangsa banjir yang terjejas teruk. Sememangnya bantuan daripada Malaysia amat dinantikan dan diterima dengan hati terbuka.

Jika kepemimpinan Dr Mahathir menjadi idola masyarakat Pakistan, misi kemanusiaan Kelab Putera 1Malaysia yang dipimpin Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim juga meneruskan kesinambungan kegemilangan kepemimpinan negara apabila gagasan 1Malaysia turut mewarisi misi berkenaan.

Gagasan 1Malaysia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mendapat perhatian daripada pemimpin di negara itu. Malah, mereka cuba mempelajari dan memahami pelaksanaan gagasan itu di Malaysia sehingga berjaya menyatupadukan penduduknya.

Rakyat dan pemimpin Pakistan juga tidak kekok melaungkan gagasan 1Malaysia, lebih menarik lagi anggota sukarelawan Kelab 1Malaysia yang terdiri daripada masyarakat Melayu, India, Cina dan masyarakat Sabah serta Sarawak, membuktikan kepada dunia bahawa 1Malaysia berjaya membentuk masyarakat harmoni.

Keadaan itu membuatkan mereka mengagumi kepemimpinan negara yang berjaya menyatupadukan masyarakat berbilang kaum dan berbeza agama sehingga dapat bekerja bersama dalam satu kumpulan, apatah lagi misi kemanusiaan itu diadakan pada Ramadan.

Walaupun sumbangan daripada Malaysia tidak mampu membantu secara keseluruhan mangsa bencana alam itu, namun, selama 10 hari di bumi Pakistan sebanyak AS\$1 juta (RM3 juta) bantuan makanan dan perubatan sudah berjaya diagihkan sukarelawan itu kepada mangsa banjir.

Daripada jumlah berkenaan, ia sudah berjaya membantu 250,000 keluarga yang terjejas teruk di dua wilayah iaitu Peshawar dan Karachi. Apatah lagi sumbangan itu disampaikan ketika hampir tiba 1 Syawal, sudah pasti sedikit sebanyak mampu menceriaikan sambutan Aidilfitri mereka.

Kini kepakaran Malaysia ditagih lagi bagi membantu merencanakan pembangunan semula kawasan yang terjejas itu dengan kos berpatutan seperti diharapkan Kerajaan Pakistan. Apa pun, secara keseluruhannya misi kemanusiaan itu sudah berjaya memperkukuhkan lagi hubungan Malaysia dan Pakistan sebagai negara Islam.

“ Ketika penulis bersama

sukarelawan Kelab Putera 1Malaysia mengunjungi bumi Pakistan bagi menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir, realitinya lebih teruk daripada apa digambarkan”

“ Kemusnahan itu juga bakal

meningkatkan masalah sosial di Pakistan kerana mangsa yang kehilangan tempat tinggal, harta benda, ternakan serta hasil pertanian, turut kehilangan punca pendapatan bagi menyara kehidupan”

pendidikan kanak-kanak yang menjadi mangsa banjir, langkah segera perlu diambil bagi memastikan mereka dapat menikmati pendidikan dengan baik walaupun berdepan dengan musibah itu, apatah lagi sekolah mereka kini dijadikan kem pemindahan sementara.

Walau apapun, pujian harus diberikan kepada kerajaan negara itu yang kini merancang membangunkan semula penempatan mangsa banjir di kawasan berkenaan. Bagaimanapun, pembangunan dirancang untuk dilaksanakan secepat mungkin itu perlu meneliti beberapa aspek termasuk kos pembinaan bagi memastikan setiap mangsa mendapat tempat tinggal yang sempurna.

Antara punca banjir besar itu berlaku disebabkan ketiadaan sistem perparitan yang sempurna, mungkin juga Pakistan menjangkakan bahawa negara itu tidak menerima hujan banyak dan sentiasa kering membuatkan mereka tidak membina sistem saluran sempurna.



MANGSA banjir menunggu bantuan diagihkan.